

MEI 2024 / BIL. 11 / 2024

EON

Epitome of Nature

KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



KESEDARAN SUMBER AIR BERSIH BERSAMA ORANG ASLI KAMPUNG KUDONG, BEKOK JOHOR

Asmawati Che Hasan¹, Mohd Zulkhairi Mohd Salleh¹, Hairol Anuar Bin Haron¹, Thahira Bibi TKM Thangal², Muhammad Farid bin Muhammad Fathullah¹

¹Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, 81750 Bandar Seri Alam, Johor

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, 81750 Bandar Seri Alam, Johor

asmawati.ch@uitm.edu.my

EDITOR: DR. MUHAMMAD AIDIL IBRAHIM

Sumber air bersih dalam kehidupan seharian amatlah penting kerana ianya bukan sahaja digunakan untuk keperluan asas seperti makanan dan minuman, malah ia juga satu kepentingan dalam memenuhi keperluan domestik yang lain seperti memasak, mandi, mencuci, sanitasi dan lain-lain aktiviti seharian. Bekalan sumber air bersih di Malaysia di pertanggungjawabkan kepada syarikat-syarikat air seperti Lembaga Air Perak (LAP), Syarikat Air Johor (SAJ), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) dan banyak lagi. Walaubagaimanapun, tidak semua tempat menerima bekalan air bersih terutamanya untuk kawasan yang terletak di pedalaman.

Bagi penduduk di kawasan yang tidak menerima bekalan air bersih yang telah dirawat, mereka akan bergantung sepenuhnya kepada sumber air seperti sungai, tadahan hujan, perigi mahupun air graviti. Walaubagaimanapun, tidak

semua sumber air ini sesuai untuk digunakan secara terus kerana dibimbangi terdedah kepada pencemaran. Penggunaan air secara terus dari sumber tanpa dirawat ini mempunyai kesan kepada kesihatan dan juga kesejahteraan penduduk terutamanya ketika hujan turun yang mana keadaan air akan menjadi keruh dan adakalanya berpasir.

Satu perkongsian berkaitan kesedaran dan kepentingan air bersih dalam kehidupan

seharian telah pun dijalankan bersama-sama dengan penduduk orang asli Kampung Kudong, Bekok, Johor.

Ianya merupakan program susulan kepada program bersama pelajar Sekolah Kebangsaan Kampung Kudong yang telah dijalankan sebelum ini. Projek ini adalah merupakan salah satu program dibawah Geran Community Engagement-Social Innovation Research (CE-SIR), dana Program Pemindahan Ilmu.



Gambar 1 : Sesi teroka diri menggunakan teknik ADHTP (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Slot kedua pula mendedahkan penduduk dengan punca-punca pencemaran air yang melibatkan aktiviti harian mereka seperti bertani, menguruskan minyak masak terpakai, penggunaan bahan cucian dan lain-lain aktiviti. Para peserta didedahkan dengan kesan-kesan buruk yang terjadi pada alam sekitar hasil daripada setiap aktiviti domestik yang dilakukan. Ianya bagi mewujudkan kesedaran untuk memastikan pencemaran air dapat dielakkan dan seterusnya mengurangkan risiko kepada kesihatan dan kesejahteraan penduduk.



Gambar 2: Demonstrasi kaedah rawatan air (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Selain daripada itu, kaedah-kaedah asas bagi rawatan air juga ditunjukkan untuk mendedahkan penduduk dengan teknologi terkini yang digunakan untuk memastikan air yang disalurkan bersih. Sampel air telah di ambil secara rawak di kawasan yang terdedah dan ujian ke atas air dijalankan secara terus di hadapan peserta. Antara kaedah rawatan air yang ditunjukkan adalah kaedah pengesanan bakteria dalam air seperti *Escherichia coli* (*E.Coli*)

dan coliform serta cara rawatan melalui pembekuan mineral di dalam air bagi membuang kelodak. Demonstrasi ini telah dikendalikan oleh Ts Mohd Zulkhairi Mat Salleh daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang.

Melihat kepada keberkesanan program yang telah dijalankan ini, para penduduk memberikan maklumbalas yang positif di mana mereka memperoleh ilmu dan perkongsian yang berkaitan dengan rutin harian mereka. Dengan berlangsungnya sesi perkongsian dan interaksi bersama dengan penduduk

orang asli Kampung Kudong ini juga, adalah diharapkan bahawa kesedaran dan kerelaan untuk menjaga kualiti air dapat diterapkan kepada semua penduduk tanpa mengira peringkat umur. Ianya juga secara tidak langsung menyokong kepada kelestarian dan kemampuan alam sekitar.



Gambar 3: Sesi bergambar bersama penduduk orang asli Kampung Kudong (Sumber: Koleksi peribadi penulis)